

SUMBANGAN PENULIS KAUM INDIA MALAYSIA KEPADA BAHASA KEBANGSAAN DAN SASTERA KEBANGSAAN

CONTRIBUTION OF MALAYSIAN INDIAN WRITERS TO THE NATIONAL LANGUAGE AND NATIONAL LITERATURE

Uthaya Sankar SB¹

Krishanan Maniam²

Abstract

From time to time, various parties have raised the fact and criticized that the non-Malay population especially the Chinese and Indians for failing to master Bahasa Malaysia (Malay) as the national and official language. This study was conducted to find evidence that Indians in Malaysia not only mastered and loved Bahasa Malaysia, but also were involved in producing Malay literature since the 1970s. Views of some authors published in newspapers, magazines and books are used to reinforce the argument. This study aims to provide a more accurate and fair picture of the Indian attitude towards Bahasa Malaysia and their contribution to the field of National Literature.

Kata kunci: National Literature, Malaysian Indian Writers, Bahasa Malaysia, Kavyan Writers, Malay Literature

Pengenalan

Pensyarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Teo Kok Seong melakukan "pendedahan" kononnya sejumlah 604 remaja kaum Cina dan India lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2010 tidak boleh bercakap walau sepele dalam Bahasa Malaysia (Utusan Malaysia, 25 Oktober 2014). Ku Seman Ku Hussain (Mingguan Malaysia, 26 Oktober 2014) pula berkata, "puak 604 orang ini jauh lebih buruk daripada orang Bangladesh yang baru tiga bulan sudah boleh berbahasa Melayu." Terdahulu, sambil mengakui hakikat penguasaan Bahasa Malaysia adalah tanggungjawab semua tanpa mengira kaum, rencana dalam ruangan "Pedas Pedas Kari" (Mingguan Malaysia, 19 Oktober 2014) mengatakan masih ramai murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) ketinggalan dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Malaysia, serta tidak mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa kebangsaan.

Uthaya Sankar SB (2017b: 48) menyifatkan tuduhan-tuduhan seperti ini, khususnya terhadap kaum India, sebagai salah tanggapan, prejudis dan stereotaip yang mungkin timbul kerana tidak ramai individu kaum

India melibatkan diri dalam bidang yang mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia. Realiti kemampuan masyarakat India yang boleh turut berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, Tamil, serta bahasa ibunda masing-masing seperti Malayalam, Telugu dan Punjabi mungkin menyebabkan pihak tertentu mentafsirkannya sebagai tanda kaum India kurang menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa komunikasi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Kaum India dan Bahasa Malaysia

Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (2017: 10) memetik sumber Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menganggarkan jumlah penduduk kaum India pada tahun 2016 adalah 1.99 juta, iaitu 7 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Kaum India di negara ini terdiri daripada keturunan Tamil, Telugu, Malayali, Punjabi, Gujerat, Sindhi, dan beberapa subkumpulan lain. Agama yang dianuti termasuk Hindu, Kristian, Islam, Buddha, Sikh dan Jainisme. Saravanan P. Veeramuthu (2010: 31-36) menghuraikan secara lengkap sejarah kedatangan kaum India ke negara ini sejak abad kedua. Sepertimana turut diingatkan oleh Suresh Kumar N Vellymalay dan Devisakti Annamali (2018: xvi), kaum India bukan hanya terdiri daripada penganut agama Hindu, tetapi ramai juga yang menganut agama Kristian dan Islam. Dalam kalangan kaum India yang menganut agama Hindu pula, selain daripada orang Tamil yang merupakan kumpulan majoriti, ada juga keturunan Telugu dan Malayali. Dari segi bahasa pula, oleh kerana majoriti orang India di Malaysia adalah orang keturunan Tamil, maka rata-rata masyarakat Malayali, Telugu dan Punjabi yang merupakan minoriti juga mampu menggunakan bahasa Tamil (Uthaya Sankar SB. 2017a: 48). Pada pemerhatian Uthaya Sankar SB (2017c), situasi itu turut membuatkan ramai orang, termasuk orang Tamil sendiri, melakukan kesilapan menggelar orang Malayali dan Telugu sebagai orang Tamil.

Walaupun ramai kaum India di negara ini dilaporkan tinggal dan bekerja di ladang dan estet sejak sekitar tahun 1900-an, menjelang tahun 2010, data Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan hanya 11 peratus kaum India tinggal di luar bandar, manakala 89 peratus kini tinggal di bandar (Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia, 2017: 15). Makalah berjudul "*Historical Review and the Malaysian Indian*" (2016) tulisan Sivachandralingam Sundara Raja dan makalah berjudul "*Ethnic Indians in Malaysia: History and Issues of Development*" tulisan Ravichandran Moorthy dalam buku *Contemporary Malaysian Indians: History, Issues, Challenges & Prospects* (2016) memperkatakan secara teliti kedudukan kaum India di Malaysia dari sudut budaya, politik, ekonomi, hubungan etnik dan sejarah dari dahulu hingga kini. Sejarah kedatangan kaum India ke Tanah Melayu sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka pula boleh dibaca dalam buku *History of Malaya, 1400-1959* (1965) tulisan Joginder Singh Jessy.

Pada pendirian Uthaya Sankar SB (2017b: 50), kaum India tanpa mengira peringkat umur sudah menerima Bahasa Malaysia sebagai sebahagian daripada elemen kehidupan seharian mereka. Penggunaan bahasa kebangsaan tidak sesekali menyekat atau menjejaskan hak dan peluang mereka menggunakan bahasa ibunda atau mana-mana bahasa yang mereka ingin gunakan mengikut kesesuaian dan keperluan.

Salah satu pihak yang melaksanakan tanggungjawab menggalakkan penghayatan Bahasa Malaysia dalam kalangan masyarakat majmuk adalah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Menurut Jumaat Mohd. Noor (1989: 184), badan berkanun itu sedia membantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta yang menjalankan program bagi mendaulatkan dan menyemarakkan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi.

Ketua Pengarah DBP dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Hassan Ahmad (1978: 317-318) tidak menafikan tanda-tanda kaum Bukan Melayu sudah mula lebih menguasai Bahasa Malaysia berbanding orang Melayu yang merupakan penutur asli. Dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga, semakin ramai pelajar kaum Cina dan India mendapat gred "A" bagi subjek Bahasa Malaysia, sedangkan ramai pula pelajar Melayu masih gagal. Hassan Ahmad (1988: 143) juga berpendapat:

"Orang Melayu kadang-kadang menganggap bahawa hanya mereka sahajalah yang layak menguruskan hal-ehwal bahasa Melayu; hanya mereka sahajalah yang mampu, baik dari segi 'semangat bahasa', ataupun dari segi ilmu dan kebolehan bahasa, untuk membina dan mengembangkan Bahasa Malaysia. ... seolah-olah soal bahasa kebangsaan atau Bahasa

Malaysia adalah soal orang Melayu semata-mata; sedangkan kita mahu semua orang Bukan Melayu menggunakan Bahasa Malaysia dengan seluas-luasnya, dan kita akan marah-marah kalau mereka tidak menghormati bahasa kebangsaan.”

Sebenarnya, perlu ada kajian khusus mengenai sikap dan perspektif kaum Bukan Melayu terhadap Bahasa Malaysia. Hassan Ahmad (1978: 317) percaya kaum India dan Cina di negara ini menerima kepentingan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah, lalu perlu menguasainya jika tidak mahu ketinggalan. Asmah Omar (1971: 244-245) turut mengaku kaum Melayu tidak semestinya mahir dalam Bahasa Malaysia. Katanya, kaum Melayu perlu bersama-sama kaum-kaum lain belajar untuk menguasai bahasa itu.

Bercakap khusus tentang karya sastera pula, Asmiaty Amat (2000) menerusi kajiannya terhadap novel-novel Melayu dari tahun 1957 hingga 1969, menegaskan kepentingan meningkatkan usaha bagi memastikan masyarakat pelbagai kaum turut terlibat bukan sahaja sebagai khalayak pembaca tetapi juga sebagai penghasil (penulis) karya Sastera Kebangsaan. Pada penelitian Nathesan Selappan (wawancara, 2019), rata-rata kaum India, terutama golongan muda, sudah menguasai Bahasa Malaysia serta ada dalam kalangan mereka yang menunjukkan minat dan kecenderungan terhadap Sastera Kebangsaan.

Usaha menggalakkan literasi bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini sudah giat dilakukan sejak tahun 1960-an. Apabila bahasa Melayu diisytihar menjadi Bahasa Kebangsaan pada 1965, Bahagian Pelajaran Dewasa di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar menganjurkan Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan bagi membasmi buta huruf dalam kalangan penduduk luar bandar, khasnya golongan wanita (Jabatan Kemajuan Masyarakat: 2019). Kertas Kabinet Bil. 2/54/81 menggariskan usaha membasmi buta huruf dalam kalangan orang Melayu di luar bandar, serta usaha memupuk ilmu membaca dan menulis bahasa Melayu rumi dalam kalangan penduduk Bukan Melayu. Kelas Bahasa Kebangsaan (KBK) adalah kelas dewasa untuk kaum Melayu manakala Kelas Bahasa Rumi (KBR) pula untuk kaum Bukan Melayu. Mulai tahun 1970, Bahagian Pelajaran Dewasa dikenali sebagai Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Jumlah penduduk bermasalah literasi hanya 1.7 juta orang pada tahun 1974, maka KBK dan KBR dihentikan operasi kecuali di Sarawak dan Sabah di mana peranannya masih diperlukan.

Kementerian Perpaduan Negara turut menggerakkan usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum menerusi penggunaan Bahasa Malaysia; khususnya susulan insiden rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Susulan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar utama di sekolah dan universiti secara beransur-ansur sejak tahun 1970, Chong Fah Hing (2006: 49) menyaksikan kelahiran sekumpulan penulis Bukan Melayu yang sudah menguasai Bahasa Malaysia dan berupaya menghasilkan karya sastera bermutu dalam bahasa berkenaan. Katanya, perkembangan positif ini penting dalam konteks Sastera Kebangsaan yang melibatkan kelompok pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, Chong Fah Hing hanya menyenaraikan nama penulis-penulis kaum Cina dalam kajiannya, manakala tidak ada satu pun nama penulis kaum India yang menghasilkan karya Bahasa Malaysia disebut dalam penulisan beliau. Hal ini nampaknya tidak boleh dipertikaikan kerana penulis yang berkarya dalam Bahasa Malaysia dan Tamil sejak tahun 1987, M. Mahendran (wawancara, 2019) berkata, “sistem pendidikan kebangsaan berjaya melahirkan generasi muda kaum India yang mampu bertutur dan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dengan baik, tetapi hanya berjaya melahirkan sekumpulan kecil individu kaum India yang berminat untuk menulis karya sastera Bahasa Malaysia”.

Mohd. Taib Osman (1971: 41) membuat penelitian bahawa peradaban India-Hindu serta Arab-Islam yang datang dari luar telah berpadu dengan ciri-ciri tempatan sehingga menghasilkan perwatakan budaya yang tersendiri di negara ini. Sastera Kebangsaan yang dihasilkan oleh penulis pelbagai kaum mampu memainkan peranan besar bagi mengangkat serta memelihara keunikan budaya yang menggambarkan identiti tersendiri Malaysia dengan pelbagai kemajmukan. Pada masa sama, Ismail Hussein (1974: 100) mengingatkan betapa wujud ikatan budaya yang nyata antara kebudayaan India-Hindu dan Melayu-Islam. Kesan peradaban India terhadap kebudayaan Melayu boleh dilihat dalam hal-hal bahasa, sastera, masakan, kepercayaan dan kehidupan sehari-hari. Maka, penulis kaum India sepatutnya tidak menghadapi masalah besar untuk terlibat sama dan mewarnai Sastera Kebangsaan.

Ketua Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Saifullizan Yahaya (wawancara, 2019) melihat perkaitan rapat antara Sastera Kebangsaan dan Bahasa Malaysia. Katanya, karya sastera

yang ditulis oleh kaum India menggunakan Bahasa Malaysia bagi menyampaikan pemikiran mereka berkaitan dengan politik, ekonomi, sosial dan budaya secara automotik membuktikan bahawa bahasa kebangsaan sudah diterima dan dimartabatkan oleh mereka dengan penuh tanggungjawab. Ketua 1 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Ismail Hussein (1972: 9) mengingatkan bahawa Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Universiti Malaya pada 16-20 Ogos 1971 sudah memutuskan Sastera Kebangsaan adalah sastera yang mewakili semua kaum di negara ini. Beliau menekankan betapa Sastera Kebangsaan tidak patut dihasilkan dan dinikmati oleh satu kaum sahaja, sebaliknya perlu melibatkan semua kaum. Ismail Hussein sedar bahawa ada pihak yang tidak yakin golongan Bukan Melayu akan terlibat aktif dalam Sastera Kebangsaan. Beliau menyedari bahawa perubahan drastik tidak boleh diharapkan dalam tempoh sepuluh tahun, iaitu menjelang tahun 1982. Apabila tiba masanya, menurut Ismail Hussein (1972: 10): “satu perubahan radikal akan mencetus tidak lama lagi dan ini malah akan mengancam sikap *superior* penulis-penulis golongan Melayu sendiri.”

Anwar Ridhwan (2014) turut mengimpikan penglibatan lebih ramai penulis kaum Cina dan India dalam perkembangan Bahasa Malaysia dan Sastera Kebangsaan. Hal ini penting kerana apabila sudah diberi status “kebangsaan”, tentulah bahasa dan sastera berkenaan sepatutnya menyaksikan sumbangan berterusan daripada semua kaum, etnik dan agama di Malaysia. Hanya menerusi sumbangan semua pihak, maka Bahasa Malaysia dan Sastera Kebangsaan boleh ditonjolkan sebagai identiti budaya Bangsa Malaysia. Namun begitu, sepertimana dinyatakan oleh Chew Fong Peng (2013: 78) menerusi kajiannya, jumlah penulis kaum India dalam Sastera Kebangsaan terlalu sedikit. Akibatnya, ruang dan peluang bagi masyarakat pelbagai kaum di Malaysia untuk mengenali budaya, pemikiran dan persoalan komuniti India secara dekat dan tepat masih amat kurang.

Dalam hal ini, Mohd. Taib Osman (1971: 41-43) menegaskan, sesiapa yang mahu mesej yang disampaikan menerusi karya sampai kepada segenap lapisan masyarakat, maka perlu berusaha menggunakan Bahasa Malaysia sebagai medium dan menghasilkan Sastera Kebangsaan. Bagi golongan penulis kaum Melayu yang sudah sedia menulis menggunakan Bahasa Malaysia, mereka wajar meluaskan horizon agar tidak terkepung dalam ruang penceritaan yang sempit. Penglibatan penulis Bukan Melayu yang lahir menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan pula hanya mampu menampakkan hasil yang nyata selepas tahun 1983. Pada pandangan Ismail Hussein (1972: 10), kekurangan jumlah penulis kaum Cina dan India dalam Sastera Kebangsaan pada tahun-tahun awal 1970-an sepatutnya tidak menjadi isu. Beliau yakin bahawa dalam masa 20 atau 30 tahun selepas Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan, akan ada ramai penulis Bukan Melayu yang mampu menghasilkan karya bermutu dalam Bahasa Malaysia; sehingga penulis kaum Melayu mungkin tidak mampu “mengejar dan menyaingi” kehebatan karya penulis Bukan Melayu.

Penglibatan masyarakat Bukan Melayu dalam program penghayatan Bahasa Malaysia dan Sastera Kebangsaan sentiasa ada tetapi mungkin tidak mendapat publisiti meluas. Syed Abdul Rahman Mohmood (1972: 9) melaporkan tentang penyertaan ramai belia Bukan Melayu dalam bengkel penulisan sajak bersama-sama penyair terkenal, Suhaimi Muhammad di Dewan India, Kuala Kangsar, Perak. Sambutan hangat itu dilihat sebagai bukti karya sastera bukan hanya diminati kaum Melayu. Namun begitu, Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (2017: 18-19) mengakui bahawa majoriti kanak-kanak kaum India di Malaysia mungkin akan terus berdepan masalah penguasaan Bahasa Malaysia. Hal ini kerana berdasarkan data tahun 2011, sejumlah 56 peratus kanak-kanak kaum India belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berbanding 38 peratus di Sekolah Kebangsaan (SK) dan 6 peratus di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Dihuraikan lebih lanjut:

“Walaupun ada penambahbaikan, namun demikian murid-murid di SJKT secara umumnya akan menghadapi masalah dari segi bahasa dan untuk menyesuaikan diri apabila mereka masuk ke sekolah menengah kebangsaan. Hal ini demikian kerana Bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar dan bahasa yang digunakan oleh majoriti warga sekolah. Murid-murid di SJKT yang telah gagal dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam UPSR akan dihantar ke kelas peralihan pada tahun pertama mereka berada di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, kelas peralihan ini menyumbang kepada lebih banyak kesan negatif berbanding dengan kesan positif.”

Walaupun realiti di atas memang diakui dan sudah diketahui umum, pandangan Hassan Ahmad (1978: 312) juga wajar diberi perhatian. Katanya, isu atau masalah yang dialami bukanlah “masalah bahasa”, sebaliknya “masalah penguasaan” dan “masalah kemahiran” dalam kalangan pengguna Bahasa Malaysia. Pada pandangan beliau, masyarakat pelbagai kaum dan bahasa ibunda di negara ini perlu ada kesungguhan dan komitmen untuk menggunakan Bahasa Malaysia dengan sebaik-baiknya dalam interaksi harian. Dalam soal menjadi pengguna Bahasa Malaysia yang baik, tidak perlulah menjadi pakar bahasa. M. Mahendran (wawancara, 2019) mengakui beliau selesai menulis dalam Bahasa Malaysia dan Tamil, tetapi penulisan karya Tamil lebih lancar berbanding penulisan Bahasa Malaysia dari segi tatabahasa. Namun begitu, beliau sentiasa bersedia untuk belajar membaiki diri dan terus menghasilkan karya Bahasa Malaysia.

Penulis India dan Sastera Kebangsaan

Dalam soal kemampuan menghasilkan karya Sastera Kebangsaan, pandangan Othman Puteh (2010: 2) boleh dijadikan panduan kerana katanya, “Untuk menyampaikan pemikiran dan perasaan, seseorang pengarang tidak hanya perlu menguasai persoalan dan bahasa, tetapi juga harus dapat menguasai teknik pengolahan bahasa itu.” Beliau melihat cerpen sebagai karya kreatif yang mempunyai gaya tersendiri dalam menyampaikan pemikiran dan emosi penulis dan masyarakat yang diwakilinya. Dari segi literasi secara amnya, Ismail Hussein (1982: 21) melihat semacam revolusi yang hebat pada tahun 1980-an, iaitu selepas Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya dan Bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa pengantar utama dari peringkat sekolah hingga universiti. Beliau menyaksikan tahap literasi Bahasa Malaysia yang membanggakan dalam kalangan kaum Bukan Melayu. Malah, Ismail Hussein tidak was-was Bahasa Malaysia sudah mencapai tahap mampu menjadi medium pengucapan budaya yang utama bagi masyarakat pelbagai kaum. Perkara ini tentu juga termasuk kemampuan golongan penulis Bukan Melayu mengangkat budaya masing-masing dalam karya Sastera Kebangsaan.

Uthaya Sankar SB (2017b: 49) menganalisis pelbagai maklumat rasmi dalam Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (2017) terbitan Pejabat Perdana Menteri dan mendapati Bahasa Malaysia dan Tamil adalah dua bahasa yang paling difahami kaum India di Semenanjung Malaysia. Tidak setakat itu, keupayaan membaca dan menulis menggunakan Bahasa Malaysia adalah lebih tinggi berbanding bahasa Tamil dalam kalangan kaum India. Pada penelitiannya, rata-rata generasi kaum India yang lahir selepas tahun 1960 memiliki tahap penerimaan dan penguasaan Bahasa Malaysia yang tinggi. Kehadiran mereka tampak dalam pelbagai bidang yang memerlukan penggunaan Bahasa Malaysia, seperti bidang penyiaran,ewartawanan, penulisan, perguruan, perniagaan, pengurusan, pentadbiran, penyelidikan, dan politik.

Dalam bidang Sastera Kebangsaan dan terjemahan, individu seperti Ignatius Dev Anand, G. Soosai, Joseph Selvam, N.S. Maniam, Belaetham K dan Nathesan Selappan mengukir nama sejak tahun 1970-an dan 1980-an. Bahagian seterusnya akan membincangkan sumbangan tiga tokoh dalam bidang Sastera Kebangsaan.

G. Soosai

Krishanan Maniam (1993b: 146) merujuk kepada G. Soosai sebagai “Sasterawan Tamil yang paling aktif dalam bidang penulisan Sastera Melayu” manakala bagi Anwar Ridhwan (2012: 22), G. Soosai merupakan seorang “penulis, penterjemah, budayawan dan ahli bahasa Tamil di Malaysia yang terkenal pada suatu masa dulu.” Beliau lahir di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1930 dan pernah menjadi guru bahasa dan menjadi penasihat di beberapa maktab perguruan. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perusahaan Awam pada masa itu, Hussein Mahmood menyebut dalam kata-kata aluan buku G. Soosai (1984: xxxii) bahawa beliau mengenali penulis dan penterjemah itu sejak tahun 1967 sewaktu mereka sama-sama menjadi guru di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Maklumat yang dikongsi oleh Ramlee Mohamad (1968: 8) menunjukkan bahawa G. Soosai pernah menetap di Pulau Pinang dan mengajar mata pelajaran Bahasa dan Sastera Melayu bagi pelajar Tingkatan Lima. Berita beliau meninggal dunia akibat sakit jantung pada usia 61 tahun dilaporkan dalam berita bertajuk “*Linguist Soosai, 61, dies*” (New Straits Times, 16 November 1991) dan “*Author Soosai dies of heart attack*” (The Star, 16 November 1991).

Pakar bahasa yang menguasai Bahasa Malaysia, Inggeris dan Tamil ini juga menulis siri “*Learn Bahasa Malaysia*” di akhbar *The Star* sepanjang tahun 1977, dan siri “*Belajar Bahasa Inggeris*” di akhbar *Watan* dari tahun 1981 hingga

1983. Siri panduan berbahasa ini juga dikemas kini untuk diterbitkan dalam bentuk buku, misalnya *Bahasa Malaysia: Learn and Understand* (1986) dan *Malay Queries: Mastering the Malay Language* (1989) di bawah Pelanduk Publications, Petaling Jaya, serta *Converse in Malay* (1985) di bawah Times Books International, Singapura.

Selain daripada menghasilkan buku panduan Bahasa Malaysia dan Inggeris, G. Soosai juga terlibat dalam kerja-kerja terjemahan karya sastera, khususnya cerpen dan sajak. Cerpen "Patung Tersenyum" diterjemahkan daripada karya asal V.S. Muthiah dan disiarkan di akhbar Berita Minggu (1hb Mei, 1971). Cerpen bahasa Malayalam karya Ram Gopal diterjemah oleh G. Soosai dan tersiar dengan judul "Terlajak Kata" di akhbar Berita Minggu (4hb Julai, 1971). Sebuah lagi cerpen bahasa Malayalam ditulis oleh Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), P.P. Narayanan dan terjemahannya disiarkan dengan judul "Dapat Hidayat dari Tuhan" di akhbar Berita Minggu (15hb Ogos, 1971).

Cerpen-cerpen lain yang diterjemah oleh G. Soosai termasuk "Burung Pencari Rezeki" karya Sanggu Shanmugam (Balai Muhibbah, Februari 1972), "Isyarat Bahaya" karya Mageswari Nadeson (Balai Muhibbah, Februari 1972), "Pokok Pisang" karya R. Karthigesu (Balai Muhibbah, Jun 1972), dan "Garam di Laut, Asam di Darat" karya S.V. Shanmugam (Balai Muhibbah, Julai 1972). Pengetahuan beliau dalam bidang sastera Tamil jelas menerusi esainya bertajuk "Cerpen Tamil tak juga kurang pesatnya" (Mastika, Jun 1973). Pada pendirian G. Soosai (1971: 12), karya-karya Tamil tempatan perlu diterjemah ke Bahasa Malaysia bagi menyerikan Sastera Kebangsaan.

Selain melakukan kerja-kerja terjemahan cerpen dan esei, G. Soosai juga terlibat dalam menterjemahkan beberapa buah buku karya penulis tempatan dan luar negara. Buku pertama adalah kumpulan cerpen T.M. Anna Mary yang terbit dengan judul Wanita Malang (1972). G. Soosai juga menterjemah kumpulan puisi S. Anbanantham dengan judul Cepu Pahala (1972), dan koleksi lagu puji-pujian agama Hindu karya Subramaniya Iyer yang juga dikenali sebagai Abirami Pattar dengan judul Mazmur Abirami (1974). Turut diterjemah adalah karya etika Tamil oleh Thiruvalluvar dengan judul Thirukkural: Kitab Murni Tamil Nadu (1978).

Penyair terkemuka dari Tamil Nadu, India, Subramania Barathi yang lebih dikenali sebagai Bharathiyar menghasilkan puisi panjang *Panchali Sapatham* (1912) yang mengangkat salah satu kisah menarik dalam epik *Mahabharata*. Terjemahan Bahasa Malaysia dilakukan oleh G. Soosai dan diterbitkan dengan judul Ikrar Pancali (1982). Dalam Balai Muhibbah (Ogos 1972), disiarkan suatu pengumuman bahawa buat julung kali, Yayasan Peingatan Mahathma Gandhi melantik G. Soosai untuk menterjemah *An Autobiography or The Story of My Experiments With Truth* karya Mahathma Gandhi kepada Bahasa Malaysia. Buku Bahana Kesetiaan Teruji akhirnya terbit pada tahun 1984. Buku seterusnya yang diterjemah oleh G. Soosai ialah sajak panjang *Kuyil Paattu* (1923) oleh Subramania Barathi (Bharathiyar) dan terbit dengan judul Madah Unggas Merana (1986).

Menurut G. Soosai (1975: 38), "penulis mestilah berani mendedahkan kebenaran, walaupun kebenaran itu pahit." Katanya, dengan adanya kebebasan dan keberanian, maka seorang penulis akan mampu meluahkan hasil pemerhatian terhadap pengalaman dan kehidupan masyarakat menerusi tulisannya yang teliti dan kritikal. Kejayaan G. Soosai juga selalu mendapat liputan berita; misalnya, "Soosai jadi pemsyarah" (Watan, 7 Februari 1979), "G. Soosai akan bentang kertas kerja di Korea" (Utusan Malaysia, 25 Jun 1979), "Dr Soosai pengarang Bahasa Malaysia majalah *Laurel Leaves*" (Utusan Malaysia, 4 Oktober 1979), "Dr G. Soosai: Penulis Melayu beri galakan" (Berita Harian, 22 April 1980), "Anugerah Mahaguru kepada G. Soosai" (Watan, 30 Jun 1981), dan "G. Soosai ke Madrid" (Utusan Malaysia, 16 Julai 1982), hinggalah kepada berita terakhir iaitu "*Linguist Soosai, 61, dies*" (New Straits Times, 16 November 1991) dan "*Author Soosai dies of heart attack*" (The Star, 16 November 1991).

Joseph Selvam

Menurut Krishanan Maniam (2008: 5), Joseph Selvam adalah antara penulis kaum India yang mula-mula menulis sajak bahasa Melayu pada tahun 1960-an dan banyak tersiar di Balai Muhibbah pada tahun 1970-an. Joseph Selvam dalam berita bertajuk "Joseph Selvam akui kejayaannya berkat asuhan Balai Muhibbah" (1977: 16) mengakui bahawa hanya Balai Muhibbah menerimanya sebagai seorang penulis karya Sastera Kebangsaan, lalu menyiarkan sajak dan cerpen tulisannya.

Joseph Selvam lahir di Ladang Merlimau, Melaka pada 6 Disember 1940. Menurut biodata pada kulit belakang antologi sajak sulung, *Nadi Perpaduan* (1972), beliau mula menulis sajak bahasa Tamil pada tahun 1962 dan sajaknya yang memenangi hadiah termuat dalam antologi *Kuturavu Kavidaigal*, selain itu ia juga dideklamasikan di hadapan Kannadasan, penyair terkenal dari Tamil Nadu, India, sewaktu beliau melawat Melaka pada 30 November 1971. Sajak, cerpen dan rencana tulisan Joseph Selvam tersiar di akhbar *Tamil Nesan*, *Tamil Murasu* dan *Tamil Malar*. Beliau cuba menulis sajak dan cerpen Bahasa Malaysia mulai tahun 1967 tetapi hanya mula mendapat ruang siaran pada tahun 1972 menerusi Balai Muhibbah terbitan Kementerian Perpaduan Negara.

Ismail Ahmad dalam kata pengantar buku Joseph Selvam (1972: vi) berharap kejayaan penulis berusia 32 tahun itu menjadi pencetus motivasi kepada para penulis kaum India supaya terlibat dalam Sastera Kebangsaan. Joseph Selvam hanya belajar hingga Darjah Dua di Sekolah Tamil, Merlimau. Kemudian, beliau belajar sendiri sehingga lulus MCE (setaraf Sijil Pelajaran Malaysia, SPM) pada tahun 1960 dan melanjutkan pelajaran di Maktab Latihan Harian (DTC). Apabila tamat latihan, Joseph Selvam menjadi guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Jasin, Melaka. John Pillai (1972: 8) menulis bahawa selain daripada mahir menulis sajak, cerpen dan rencana Bahasa Malaysia dan Tamil, Joseph Selvam juga mahir dalam tulisan Jawi sehingga beliau mengajar mata pelajaran Jawi bagi murid-murid Darjah Empat di SJK (I) Jasin.

Walaupun lebih dikenali sebagai penyair, Joseph Selvam juga menulis cerpen Bahasa Malaysia dan Tamil. Menurut Joseph Selvam (1976b: 15), sejumlah sepuluh cerpen Bahasa Malaysia yang dihasilkannya pernah tersiar di Balai Muhibbah, Hiburan, Mesra dan Jejaka. Menurut Saravanan P. Veeramuthu (2010: 123), Joseph Selvam telah menterjemah sekurang-kurangnya 18 cerpen Tamil tempatan kepada Bahasa Malaysia. Antara penulis yang cerpen mereka diterjemah oleh Joseph Selvam ialah Komathi Mahadevan, M. Ramaiah, N. Maheswary, S. Vadivel, Ku. Krishnan dan Sami Moorthy.

Salim Kassim (1975: 54) menyifatkan Joseph Selvam sebagai “salah seorang calon penyajak, cerpenis dan rancangan Bukan Melayu yang telah melibatkan diri dalam usaha membantu para sasterawan Melayu demi memperkembang dan memajukan sastera Malaysia.” Usaha beliau menterjemahkan karya seperti sajak, cerpen dan rencana daripada bahasa Tamil kepada Bahasa Malaysia juga dihargai. Hampir 60 sajak Bahasa Malaysia berjaya dihasilkannya dalam tempoh dua tahun (1972-1974) dan 20 daripadanya tersiar di *Utusan Zaman*, *Mingguan Malaysia*, *Balai Muhibbah*, *Dian*, *Majalah Filem* dan *Hiburan*.

Zahrah Ibrahim (1983: 75) memuji usaha Joseph Selvam mempelajari Bahasa Malaysia dan seterusnya menghasilkan karya Sastera Kebangsaan. Krishanan Maniam (2015: 344) mengiktiraf Joseph Selvam sebagai “penyair Tamil pertama yang mengukir nama dengan jayanya dalam dunia kesusasteraan Melayu.” Jumlah karya yang direkodkan adalah 200 buah sajak, 25 buah cerpen, enam buah rencana, dua kertas kerja, empat kumpulan sajak persendirian, dan tiga antologi sajak bersama penulis lain. Krishanan Maniam (1993a: 274) turut kagum dengan usaha Joseph Selvam menjalinkan hubungan antara penulis karya Tamil dengan penulis kaum Melayu yang sebelum ini hidup terasing akibat perbezaan bahasa ibunda dan bahasa yang digunakan untuk menghasilkan karya. Pandangan yang hampir sama turut dirakamkan oleh Usman Awang dalam buku *Dinsman dan Sutung Umar RS* (1983: 199-200).

Buku-buku sajak persendirian Joseph Selvam termasuk *Nadi Perpaduan* (1972), *Merintis Jalan ke Bahagia* (1973), *Dalam Perjuangan* (1974), *Dalam Sinar Matamu* (1975), dan *Penerimaan* (1978). *Nyanyian Burung* (1979) merupakan terjemahan sajak panjang *Kuyil Paattu* (1923) karya Subramania Barathi (Bharathiyar) iaitu penyair Tamil tersohor dari India. Sajak-sajak Joseph Selvam turut termuat dalam antologi seperti *Mencari dan Mengerti* (1975), *Dari Musim ke Musim* (1977), *Gema Membelah Gema 4* (1978), *Nafas Kemanusiaan* (1980), *Malaysia dalam Puisi* (1988), *Melodi Hidup* (1989), dan *Simfoni Kasih* (1996).

N.S. Maniam

Supermaniam a/l Nagalingam yang lebih dikenali dengan nama N.S. Maniam dan Samudera N.S merupakan wartawan veteran yang pernah menjadi wartawan sambilan bagi *Malaysia Nanban*, *Tamil Nesan*, *Makkal Osai* dan *Suara*

Melaka. Menurut Thavaselvi Sinathamby (1999: 60-63), N.S. Maniam lahir pada 19 Mei 1952 di Melaka tetapi mendapat pendidikan rendah dan menengah di SR Tuanku Besar dan SM Tuanku Besar, Tampin, Negeri Sembilan. Selepas itu, beliau mengikuti kursus jurulatih prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. N.S. Maniam pernah bekerja sebagai pembantu makmal (1972-1982) dan penyelia Kelas Perpaduan Rakyat (1982-1983) sebelum menjadi penolong pegawai perpaduan di Jabatan Perpaduan Negara. Beliau juga pernah menjadi guru di SM Vokasional Alor Gajah, Melaka. N.S. Maniam mengikuti Bengkel Penulisan Hujung Minggu anjuran Persatuan Penulis Negeri Melaka (PENAMA), lalu aktif menulis berita dan rencana, sebelum mula menulis sajak. Krishanan Maniam (1993a: 273) merujuk kepada penulis ini sebagai “sasterawan Tamil” yang berjaya “mencatatkan namanya dalam dunia kesusasteraan Melayu melalui sajak-sajaknya.” Sajak-sajaknya turut termuat dalam antologi *Dari Musim ke Musim* (1977), *Titik Permulaan* (1987), dan *Simfoni Kasih* (1996).

Sasterawan *Kavyan*

Jumlah penulis kaum India yang menghasilkan karya Bahasa Malaysia pada tahun 1970-an adalah sekitar enam orang. Jumlah ini meningkat mulai tahun 1990-an. Lalu, istilah “Sasterawan *Kavyan*” diperkenalkan pada Julai 2004 untuk merujuk secara khusus kepada kelompok penulis kaum India yang menghasilkan karya Sastera Kebangsaan (Uthaya Sankar SB. 2004: 5-9). Generasi baharu penulis kaum India yang dikenali sebagai “Sasterawan *Kavyan*” mula semakin menonjol sejak awal tahun 1990-an serta masih terus menyumbang kepada perkembangan bahasa dan Sastera Kebangsaan. Mereka bukan sahaja menjadi bukti kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dilaksanakan sejak tahun 1970, malah memberi sumbangan besar kepada Sastera Kebangsaan dengan menampilkan keunikan budaya kaum India menerusi karya sastera. Kelompok Sasterawan *Kavyan* digambarkan oleh Sri Diah Shaharuddin (2004: 1-2) sebagai penulis generasi baharu yang “mampu menulis dalam Bahasa Malaysia tanpa mencacat-celakan jati diri sebagai individu kaum India” serta “mampu menggambarkan citra budaya kaum India di Malaysia dalam karya Bahasa Malaysia untuk tatapan seluruh rakyat Malaysia.”

Mohamad Saleeh Rahamad (2003: 15) menyebut G. Soosai dan Joseph Selvam sebagai “generasi awal” tahun 1960-an dan 1970-an yang menyumbang dalam Sastera Kebangsaan. Manakala tahun 1980-an menyaksikan ketandusan sehingga muncul penulis generasi baharu. Diantara mereka adalah Saroja Theavy Balakrishnan dan Uthaya Sankar SB yang dilihat telah meletakkan “mercu tanda pada peta penulis [kaum] India” pada tahun 1990-an. Faktor penguasaan bahasa dan kefasihan berbahasa dilihat oleh Zahrah Ibrahim (1983: 74) sebagai faktor pendorong utama penglibatan penulis Bukan Melayu dalam Sastera Kebangsaan. Penyertaan golongan penulis kaum India dalam Sastera Kebangsaan sebenarnya membantu memperkayakannya. Menurut Saravanan P. Veeramuthu (2018: 6), selain mengurangkan unsur “kemelayuan”, golongan ini juga memberikan sumbangan besar kepada “proses evolusi kesusasteraan Melayu menjadi kesusasteraan kebangsaan yang beridentiti Malaysia.” Mohamad Saleeh Rahamad (2003: 11) turut mengakui penyertaan penulis Bukan Melayu semakin nyata sejak konsep Sastera Kebangsaan diperkenalkan pada tahun 1971. Chong Fah Hing (2006: 48) pula melihat perkembangan positif penulis Bukan Melayu pada tahun 1980-an turut disebabkan sokongan penerbit, institusi kewangan, agensi kerajaan, persatuan penulis, universiti awam, dan khalayak pembaca.

Sejak tahun 1960-an, penglibatan penulis kaum India dalam bidang Sastera Kebangsaan adalah berdasarkan minat dan usaha sendiri, tetapi sejak Kumpulan Sasterawan *Kavyan* diasaskan pada tahun 1999, mereka sudah mula bergerak secara berkumpulan (Krishanan Maniam. 2015: 350). Mohamed Saleeh Rahamad (2003: 15) menyifatkan penerbitan antologi cerpen *Vanakam* (2002) sebagai suatu usaha baik ke arah menambah khazanah sastera negara. Sumbangan penulis kaum India terhadap perkembangan Sastera Kebangsaan dikatakan menjadi lebih bermakna sejak tahun 2010 (Saravanan P. Veeramuthu, 2018: 4).

Antara penulis kaum India yang masih aktif dan prolific dalam Sastera Kebangsaan ialah Elavarassan M. Suppiah, Mahendran Mathavarayan (M. Mahendran), Ramakrishnan Ramasamy, Saroja Theavy Balakrishnan, dan Thanusya Shanmuganathan yang juga dikenali sebagai Meera Natasya. Kelompok penulis baharu yang muncul, khususnya menerusi Sesi Penulisan Intensif (bengkel penulisan) anjuran Kumpulan Sasterawan *Kavyan*, ialah Annadurai Subramanian (KA. S. Annadurai), Anuradha Chelliah, V.K. Ezhilarasi Velautham, Jaymani Sevanathan, S. Maartandan Suppiah, Navanitha Nairu (N. Nitha), Nizha Periaswamy, dan Richard Ignacy.

Nathesan Selappan (wawancara, 2019) berkongsi pandangan bahawa *Weltanschang* (pandangan dunia) penulis kaum India yang menghasilkan karya Bahasa Malaysia berbeza daripada pandangan dunia penulis Melayu. Pandangan dan bahan yang diutarakan oleh penulis kaum India amat luas dan tidak sempit. Pada penelitiannya, kelompok ini juga sentiasa berusaha menetengahkan hal-hal budaya, adat dan amalan dalam kaum mereka, manakala hal-hal begini kurang di bangkitkan dalam karya penulis Melayu. Menurut editor majalah Dewan Sastera, Rozninah Abd. Azib (2004: 92), kelompok penulis kaum India sudah berada pada kedudukan setanding penulis Melayu, malah ada juga penulis kaum India yang terbukti mampu menulis lebih baik daripada penulis kaum Melayu. Malah, Hassan Ahmad (1988: 144) menyanggah pandangan mana-mana pihak yang menganggap penguasaan bahasa Melayu sebagai suatu kelebihan (*advantage*) bagi penulis Melayu serta halangan (*handicap*) bagi penulis Bukan Melayu.

Kesimpulan

Hujah dan bahan bukti di atas menunjukkan secara jelas bahawa kaum India menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa komunikasi. Malah, sekelompok kaum India terlibat secara aktif dan penuh dedikasi dalam penulisan karya Bahasa Malaysia. Pengkaji Sastera Kebangsaan seperti Othman Puteh (2003) dan Mohamad Saleeh Rahamad (2003) turut mengakui sumbangan penulis kaum India kepada perkembangan sastera tanah air. Hal-hal ini membuktikan, walaupun sentiasa ada suara-suara yang mempertikai tahap penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan kaum India, kesemuanya adalah kes-kes terencil yang tidak mewakili keseluruhan kaum India di Malaysia. Kehadiran kaum India dalam persada bahasa dan Sastera Kebangsaan semakin kukuh dan bermakna sejak Kumpulan Sasterawan *Kavyan* diasaskan pada Ogos 1999. Siri bengkel penulisan serta program bahasa dan sastera dianjurkan di seluruh negara oleh *Kavyan* bagi menggalakkan penglibatan kaum India dalam penulisan dan penghayatan karya Bahasa Malaysia. Selain daripada membuktikan keupayaan Bahasa Malaysia sebagai medium untuk menulis tentang budaya kaum India, golongan Sasterawan *Kavyan* turut menyumbang kepada persefahaman dan perpaduan antara kaum di Malaysia menerusi karya sastera yang dihasilkan.

Nota

¹ Jabatan Pengajian India Universiti Malaya Kuala Lumpur, uthayasb@gmail.com

² Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, krishanan@um.edu.my

Rujukan

- Anwar Ridhwan. 2012. *Penangan Luka Bangsa, Bahasa*. Berita Harian, 10 September
- Anwar Ridhwan. 2014. *Sumbangan Sasterawan Cina, India*. Berita Harian, 16 Disember. Dimuat Turun Pada 31 Mac 2019 dari <https://www.bharian.com.my/node/23456>
- Asmah Omar. 1971. *Bahasa Malaysia dan Pelajaran Tinggi*. Dewan Bahasa, Jun
- Asmiaty Amat. 2000. *Hubungan Kaum dalam Novel Melayu Pascamerdeka 1957-1969*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah
- Balai Muhibbah. 1977. *Joseph Selvam Akui Kejayaannya Berkat Asuhan Balai Muhibbah*. Oktober
- Berita Harian. 1980. *Dr G. Soosai: Penulis Melayu Beri Galakan*. 22 April
- Chew Fong Peng. 2013. *Cerpen dan Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Chong Fah Hing. 2006. *Cerpen Mahua dan Cerpen Melayu: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Dinsman & Sutung Umar RS (penyelenggara). 1983. *Sikap dan Pemikiran Usman Awang*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd
- G. Soosai. 1971. *Kesusasteraan Tamil Berkembang dengan Pesatnya Sekarang*. Berita Harian, 8 Ogos
- G. Soosai. 1975. *Sebatinya Penterjemahan di Jiwa Saya*. Dewan Sastera, Mei
- G. Soosai (penterjemah). 1984. *Bahana Kesetiaan Teruji*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Hassan Ahmad. 1978. *Bahasa Malaysia: Masalah dan Perkembangannya*. Dewan Bahasa, Mei

- Hassan Ahmad. 1988. Peranan dan Sumbangan Orang Bukan Melayu dalam Perkembangan Bahasa Malaysia. Dalam *Bahasa, Sastera, Buku: Cetusan Fikiran Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ismail Hussein. 1972. *Beberapa Masalah di Hadapan GAPENA*. Dewan Sastera, Jun
- Ismail Hussein. 1974. *Sastera dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi
- Ismail Hussein. 1982. *Perkembangan Sastera Kebangsaan: Peranan Gerakan Masyarakat, Institusi dan Penerbitan*. Dewan Sastera, Jun
- Jabatan Kemajuan Masyarakat. 2019. Portal Rasmi www.kemas.gov.my Diakses Pada 31 Mac 2019
- Joginder Singh Jessy. 1965. *History of Malaya (1400-1959)*. Pulau Pinang: Peninsular Publications
- John Pillai. 1972. *Sekalung Bunga untuk Selvam*. Balai Muhibbah, November 1972
- Joseph Selvam. 1972. *Nadi Perpaduan*. Jasin: Penerbitan Pustaka Ilmu
- Joseph Selvam. 1976. *Penulis dan Sastera Tamil di Malaysia*. Kertas Kerja Pertemuan Penulis Melayu, Tamil dan Tionghua Anjuran Bahagian Perkembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Kerjasama Persatuan Kesusasteraan Tamil Malaysia Barat di Sudut Penulis DBP pada 19 Jun 1976
- Jumaat Mohd. Noor. 1989. *Dari Pbmpb hingga DBP: Renungan Terhadap Sejarah Perkembangan Organisasi Bahasa dan Sastera Melayu*. Dewan Bahasa, Mac
- Krishanan Maniam. 1993a. *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970): Perbandingan Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krishanan Maniam. 1993b. Sumbangan Penulis-Penulis India dalam Perkembangan Kesusasteraan Kebangsaan. *Jurnal Pengajian India*, Jilid 5/1993
- Krishanan Maniam. 2008. *Suara Chairil Anwar dalam Sanubari Joseph Selvam*. Kertas Kerja Seminar Internasional Indonesia-Malaysia di Yogyakarta, Indonesia pada 27-29 Mei 2008
- Krishanan Maniam. 2015. Penulis Bukan Melayu dalam Konteks Pembinaan Sastera Nasional. Dalam Mohamad Saleeh Rahamad & Rozlan Mohamed Noor (Penyelenggara). *Sastera Teras Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia
- Ku Seman Ku Hussain. 2014. *Memalaysiakan Semangat Sistem Pendidikan SJKC*. *Mingguan Malaysia*, 26 Oktober. Dimuat Turun Pada 31 Mac 2019 dari [Http://Www.Utusan.Com.My/Rencana/Utama/Memalaysiakan-Semangat-Sistem-Pendidikan-Sjkc-1.16787](http://www.utusan.com.my/Rencana/Utama/Memalaysiakan-Semangat-Sistem-Pendidikan-Sjkc-1.16787)
- M. Mahendran. Diwawancara pada 25 Januari 2019, Jam 12:20 Tengah Hari, di Anjung DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mingguan Malaysia*. 2014. *SJKC Patut Guna Bahasa Utama BM*. 19 Oktober. Dimuat Turun Pada 31 Mac 2019 dari [Http://Www.Utusan.Com.My/Rencana/Utama/Sjkc-Patut-Guna-Bahasa-Utama-Bm-1.14340](http://www.utusan.com.my/Rencana/Utama/Sjkc-Patut-Guna-Bahasa-Utama-Bm-1.14340)
- Mohd. Taib Osman. 1971. *Konsep Kesusastraan Malaysia: Peranan Kesusastraan dalam Negara yang Sedang Membangun*. Dewan Sastera, Februari
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2003. *Cereka Penulis Pelbagai Kaum Di Semenanjung: Retrospektif Selepas Tiga Dekad*. Dewan Sastera, Januari
- Nathesan Selappan. Diwawancara pada 26 Februari 2019, Jam 11:30 Pagi, di Aras 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- New Straits Times. 1991. *Linguist Soosai*, 61, Dies. 16 November
- N.S. Maniam. 1972. *Bahasa Kita Jadi Nadi Perpaduan*. Balai Muhibbah, Oktober
- Othman Puteh. 2003. *Cerpen Awal Abad Ke-21: Penglibatan Pengarang Pelbagai Kaum*. Dewan Sastera, Januari
- Othman Puteh. 2010. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Pemikiran dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia*. 2017. Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri
- Ramlee Mohamad. 1968. *Tak Semua Jenis Kenaikan di Air Bererti Sampan*. Berita Harian, 16 September
- Ravichandran Moorthy. 2016. *Ethnic Indians in Malaysia: History and Issues of Development*. Dalam *Contemporary Malaysian Indians: History, Issues, Challenges & Prospects*. Bangi: Institute Of Ethnic Studies (KITA)
- Rozninah Abd. Azib. 2004. *Penulis Kaum India Mula Menyengat*. Dewan Sastera, Februari
- Saifullizan Yahaya. Ketua Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Diwawancara pada 7 Januari 2019, Jam 11:25 Pagi, Di Tingkat 22, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Salim Kassim. 1975. *Joseph Selvam*. Dewan Sastera, Januari
- Saravanan P. Veeramuthu. 2010. *Citra Identiti Budaya Masyarakat India: Satu Pembicaraan Cerpen Melayu Karya Cerpenis India*. Tesis Ijazah Kedoktoran di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Saravanan P. Veeramuthu. 2018. *Kesusasteraan Kebangsaan: Penulis Bukan Melayu Semakin Menjauh*. Kertas Kerja di Seminar Sehari Isu-Isu Mutakhir Kesusasteraan Melayu Moden, 4 September 2018 di Dewan Seminar Dato' Hassan Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur
- Sivachandralingam Sundara Raja. 2016. Historical Review and the Malaysian Indian. Dalam *Contemporary Malaysian Indians: History, Issues, Challenges & Prospects*. Bangi: Institute Of Ethnic Studies (KITA)
- Sri Diah Shahrudin. 2004. *Sasterawan Kavyan & Sastera Kavyan: Suatu Harapan dari Sudut Pandangan Seorang Pengamal Media Cetak*. Kertas Kerja Diskusi Sastera Kavyan Anjuran Bahagian Teori Dan Kritikan, Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) di Dewan Seminar, Menara DBP pada 10 Julai 2004
- Suresh Kumar N Vellymalay & Devisakti Annamali. 2018. *Kepercayaan dan Pantang Larang Masyarakat Tamil di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Syed Abdul Rahman Mohmood. 1972. *Sajak adalah untuk Semua*. Balai Muhibbah, April
- Thavaselvi Sinathambiy. 1999. *Sumbangan Penulis India dalam Sastera Melayu Moden: Dengan Rujukan Khusus kepada Antologi Cerpen Uthaya Sankar SB*. Tesis Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- The Star. 1991. *Author Soosai Dies of Heart Attack*. 16 November
- Uthaya Sankar SB. 2004. *Sastera Kavyan & Sasterawan Kavyan: Komitmen Terhadap Sastera Kebangsaan*. Kertas Kerja Diskusi Sastera Kavyan Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Dewan Seminar, Menara DBP pada 10 Julai 2004.
- Uthaya Sankar SB. 2017a. *Sasterawan Kavyan dan Sastera Kebangsaan*. Dewan Sastera, Jun
- Uthaya Sankar SB. 2017b. *Penerimaan Kaum India Terhadap Bahasa Kebangsaan*. Dewan Masyarakat, Oktober
- Uthaya Sankar SB. 2017c. *Identiti dan Jati Diri*. Eksentrika, 15 Februari. Dimuat Turun pada 31 Mac 2019 dari <https://Eksentrika.Com/2542-2/>
- Utusan Malaysia. 1979. *G. Soosai akan Bentang Kertas Di Korea*. 25 Jun
- Utusan Malaysia. 1979. *Dr Soosai Pengarang Bahasa Malaysia Majalah Laurel Leaves*. 4hb Oktober
- Utusan Malaysia. 1982. *G. Soosai ke Madrid*. 16hb Julai
- Utusan Malaysia. 2014. *604 Pelatih PLKN Tidak Boleh Bercakap Bahasa Melayu*. 25hb Oktober. Dimuat Turun pada 31 Mac 2019 dari <http://www.Utusan.Com.My/Berita/Nasional/604-Pelatih-Plkn-Tidak-Boleh-Bercakap-Bahasa-Melayu-1.16607>
- Watan. 1979. *Soosai Jadi Pensyarah*. 7hb Februari
- Watan. 1981. *Anugerah Mahaguru Kepada G. Soosai*. 30 Jun
- Zahrah Ibrahim. 1983. *Penglibatan Penulis Bukan Melayu dalam Puisi Melayu*. Dewan Sastera, Julai